

# PM minta pakar corakkan kanak2

AUG 1985

**KUALA LUMPUR, Isnin** — Pakar-pakar paediatric diminta membantu masyarakat mencorakkan masa depan kanak-kanak agar menjadi warganegara yang baik dan mempunyai nilai-nilai etika yang tinggi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pakar-pakar paediatric tidak seharusnya menumpukan perhatian terhadap penjagaan kesihatan kanak-kanak sahaja, sebaliknya mereka perlu juga mencorakkan masa depan kanak-kanak.

Sikap dan nilai etika yang diserapkan kepada kanak-kanak itulah yang menentukan masa depan mereka dan masyarakat, katanya ketika merasmikan Kongres Paediatric Asia kelima di sini hari ini.

Katanya, jika kanak-kanak itu diserapkan dengan nilai-nilai dan idea yang buruk, mereka akan menjadi beban masyarakat, tetapi jika diserapkan dengan nilai-nilai murni, kanak-kanak itu akan menjadi anggota masyarakat yang berguna.

Datuk Seri Dr Mahathir membidas pakar-pakar paediatric yang berpendapat ba-

hawa fungsi mereka hanya terhad kepada soal-soal kesihatan fizikal dan mental kanak-kanak dan bukan untuk melahirkan generasi yang berdisiplin.

Sehubungan itu, Perdana Menteri membidas ibu bapa yang melepaskan tanggungjawab mereka sehingga menimbulkan pelbagai masalah.

## Masalah hidup

Katanya, sikap ibu bapa itu menyebabkan kanak-kanak tidak dibesarkan dengan pendidikan yang sewajarnya bagi membolehkan mereka mengatasi masalah hidup masing-masing.

Oleh itu, katanya, wujudlah fenomena seperti pergaulan bebas, hubungan seks sejenis, hippies dan keluarga-keluarga yang hidup secara berkelompok.

"Wabak AIDS tidak menakutkan mereka kerana selama ini mereka menerima nilai-nilai yang salah," katanya.

Beliau berpendapat kebanyakan penyakit seumpama itu berpunca daripada sikap ibu bapa yang tidak menjalankan kewajipan

mereka sebagai ibu bapa.

Perdana Menteri juga berkata, sikap kebanyakan ibu yang tidak mahu menghukum anak-anak mereka apabila melakukan kesalahan juga menyebabkan pembabitan anak-anak dalam kegiatan jenayah dan dadah.

Katanya, kebanyakan ibu berpendapat, kanak-kanak tidak harus dihukum kerana mereka (kanak-kanak) tidak memahami dan tidak mengerti apa yang dilakukan.

"Walaupun memukul kanak-kanak itu seperti perbuatan jenayah, tetapi hukuman ringan ke atas kanak-kanak yang nakal perlu supaya mereka ingat bahawa setiap kejahatan akan dikenakan hukuman," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kekeyakinan dan kemakmuran sesebuah negara tidak bergantung kepada jumlah penduduknya, sebaliknya ia bergantung kepada produktiviti rakyatnya.

"Ini pula bergantung kepada sistem nilai yang dicorakkan untuk kanak-kanak mengamalkannya. Masyarakat yang rajin, amanah dan berdisiplin akan menjamin keamanan dan kekayaan negara," katanya.